



PEMBERITAHUAN

IKLAN TAWARAN KERJA-KERJA MENCUCI/MEMBERSIH KAWASAN PANTAI IRAMA BERMULA KEDAI POKYA , KOLAM SAMPAI TAPAK PASAR MALAM BACHOK BAGI TAHUN 2024

1. Tawaran adalah dipelawa daripada orang awam yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk menjalankan kerja-kerja mencuci/membersih di kawasan Pantai Irama bermula kedai pokya, kolam sampai tapak pasar malam Bachok bagi tempoh selama satu tahun, iaitu mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.
 - i. Membekal/menyediakan lima (5) orang pekerja
 - ii. Peralatan kerja mencuci/membersih dengan secukupnya
(Lori, pencakar, penyapu, beg plastik sampah, mesin rumput, perahu dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengannya).
2. Tawaran hendaklah dibuat menerusi borang khas yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga RM 20.00 sekeping. Lawatan tapak dan taklimat akan diadakan pada 10 Disember 2023 bersamaan 26 Jamadil Awal 1445H, jam 9.30 pagi. Tempat berkumpul adalah di Dataran Perahu Pantai Irama.
3. Setiap individu yang ingin memohon tawaran ini hendaklah menyimpan wang pertaruhan berjumlah RM 2,500.00 (**Ringgit Malaysia : Dua Ribu Lima Ratus Ringgit Sahaja**). Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada pemajak yang tidak berjaya. Manakala pemajak yang berjaya tetapi enggan menerima atau menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.
4. Borang tawaran yang telah disempurnakan beserta dengan resit wang pertaruhan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul, dimeterai di bahagian atasnya di sebelah kiri dan hendaklah ditulis "**TAWARAN KERJA-KERJA MENCUCI/MEMBERSIH KAWASAN PANTAI IRAMA BERMULA KEDAI POKYA, KOLAM SAMPAI TAPAK PASAR MALAM BACHOK 2024**". Sampul tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum jam 12.00 tengahari pada 12 Disember 2023 (Selasa) , bersamaan 28 Jamadil Awal 1445H. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
5. Pemajak yang berjaya akan dikenakan bayaran wang pertaruhan kebersihan sebanyak RM 5,000.00 (**Ringgit Malaysia : Lima Ribu Ringgit Sahaja**). Bayaran ini hendaklah dijelaskan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh surat tawaran dikeluarkan dan akan dikembalikan kepada pemajak sekiranya Yang DiPertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam berpuashati dengan keadaan kebersihan.

6. Pemajak dikehendaki menandatangani surat perjanjian kerja-kerja mencuci/membersih Pantai Irama bermula kedai pok ya sampai tapak pasar malam Bachok dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat tawaran diterima.
7. Pemajak adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan kawasan Pantai Irama bermula kedai pok ya sampai tapak pasar malam Bachok termasuk kolam sehingga pihak Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam berpuashati dengan kerja-kerja yang dilaksanakan. Jika gagal kerja-kerja mencuci/membersih akan dijalankan oleh pekerja Majlis dan pemajak dikehendaki menanggung segala kos perbelanjaannya yang akan diambil dari wang pertaruhan kebersihan.
8. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis secara bertulis terlebih dahulu kepada Yang DiPertua, Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam jika ingin membatalkan atau menarik balik pajakannya.
9. Syarat-syarat , kawasan kerja dan spesifikasi kerja adalah sebagaimana di LAMPIRAN "A".
10. Majlis tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang tertinggi atau sebaliknya dan keputusan Majlis adalah muktamad serta sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI KITA DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah


(MOHD EZAZEE BIN MOHD EMBONG)
Setiausaha
b.p: Yang Dipertua
Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam

- s.k: 1. YABrs Yang DiPertua,
Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam
2. Ahli- Ahli Majlis,
Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam
3. MDB: 48/7/16/ jld.20
Tarikh: 05 Disember 2023 bersamaan 21 Jamadil Awal 1445H